



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Khamis, Mei 23, 2013

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS
PERKHIDMATAN

A- | A+ | ENGLISH

Berita » Pelajar UPM anjur program kesedaran mengundi

By Muhamad Najkhan Mazlan
Foto oleh Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, 29 April (UPM) – Seramai 50 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyeru semua pelajar yang telah berdaftar sebagai pemilih pulang ke pusat pengundian masing-masing bagi menunaikan tanggungjawab mengundi pada Pilihanraya Umum ke 13.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UPM, Ahmad Bukhari A. Rahim berkata matlamat utama inisiatif itu ialah untuk memupuk kesedaran kepada pelajar agar melaksanakan tanggungjawab masing-masing sebagai rakyat Malaysia pada hari pengundian.

"Kempen seperti ini juga memupuk semangat sayangkan negara dan jatidiri nasionalisma pelajar," katanya dalam ucapan kepada pelajar di dataran Dewan Kuliah Pusat.



Beliau berkata pelajar UPM perlu didedahkan dengan aktiviti politik yang sihat selaras dengan amalan demokrasi di negara ini.

"Jadilah pengundi yang bijak. Pilihlah pemimpin yang benar-benar mampu menjalankan amanahnya dengan baik dan buat pilihan berdasarkan kepada rasional, bukannya perasaan," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Mahasiswa Islam UPM, Muhammad Faizuddin Ismail pula berkata program itu merupakan program kali kedua selepas program kesedaran mengundi kali pertama diadakan pada awal Mac lalu di sini.

"Kempen kita pada hari ini adalah sebagai kesinambungan bagi merencanakan lagi momentum kesedaran program yang lepas," katanya dalam ucapan.

Antara aktiviti yang turut diadakan dalam kempen itu ialah ceramah dari Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) bagi mendidik pelajar mengenai kaedah dan peraturan dalam proses pengujaan undi," katanya. – UPM

--Mnm/kam/sam/kgo

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan| Jumlah Pelawat : 1937325
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2012 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 22 May 2013

